

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Pembangunan Hutan yang mempunyai Taraf Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Perindustrian Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan atau berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang yang berkaitan serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang serta pendaftarannya masih sah pada tarikh lawatan tapak tertakluk kepada kawasan kerja untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja seperti berikut:-

No. Sebutharga	Perkara	Syarat Pendaftaran	Maklumat Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebutharga
PHN.PHG.53/2016 (PLHK)	KERJA-KERJA PENUBUHAN PETAK KARAS SELUAS 8 HEKTAR SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI TAHUN 2016	Kementerian Kewangan Bidang Kod 222105	Tarikh: 25 Julai 2016 (Isnin) Masa: 8.30 pagi Tempat berkumpul : Pejabat Ladang Hutan Kemasul	1 Ogos 2016 (Isnin) Masa : 12.00 tengahari

2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak pada tarikh tersebut dan dinasihatkan untuk menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4x4) bagi tujuan lawatan tersebut. Hanya penama dalam lesen sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak. Wakil tidak dibenarkan bagi tujuan ini.
3. Borang-borang sebutharga boleh dibeli di **Pejabat Ladang Hutan Kemasul, Bt.5, Jalan Karak** mulai **19 Julai 2016 (Selasa)** dengan menyertakan **wang pos berharga RM20.00** yang dibuat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara wang tunai tidak akan diterima.
4. Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Kontraktor Pembangunan Hutan** yang masih sah laku tempohnya.
5. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu <http://forestry.pahang.gov.my>.
6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dipenjurukan atas kiri sampul ditulis No. Sebutharga dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Pejabat Perhutanan Negeri** dan mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.

7. Tarikh tutup bagi sebutharga ini adalah pada **1 Ogos 2016 (Isnin) jam 12.00 tengahari**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau tertinggi atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:-

Pejabat Ladang Hutan Kemasul
Bt.5, Jalan Karak
28400 Mentakab, Pahang

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

15 Julai 2016